

## Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek Mod Teradun dalam Mata Pelajaran Sejarah

### *(Teachers' Readiness Towards Implementation of Blended Mode Project Based Learning in History Subject)*

Guan Jing Ying<sup>1\*</sup>, Anuar Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: jyguan28@gmail.com

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: anuarmd@ukm.edu.my

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Guan Jing Ying  
(jyguan28@gmail.com)

#### KATA KUNCI:

Kesediaan guru  
Pembelajaran Berasaskan  
Projek (PBP)  
Mod Teradun  
Keberkesanan PBP Mod  
Teradun

#### KEYWORDS:

Teachers' readiness  
Blended Mode of Project-Based  
Learning (PBL)  
Effectiveness of Blended Mode  
Project-Based Learning

#### CITATION:

Guan, J. Y., & Anuar Ahmad. (2024).  
Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan  
Pembelajaran Berasaskan Projek Mod  
Teradun dalam Mata Pelajaran Sejarah.  
*Malaysian Journal of Social Sciences and  
Humanities (MJSSH)*, 9(9), e002991.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i9.2991>

#### ABSTRAK

Kemajuan teknologi terkini dan perkembangan amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) menjadikan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) mod teradun sesuai untuk digunakan bagi menggalakkan murid untuk membina kefahaman sendiri dengan berkesan, khususnya dalam mata pelajaran Sejarah yang padat dengan fakta. Namun demikian, kebanyakan guru sekolah rendah dilihat kurang bersedia untuk melaksanakan PBP mod teradun dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Sejarah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bermatlamat mengkaji tentang tahap kesediaan guru Sejarah terhadap PBP mod teradun dalam mata pelajaran Sejarah. Kajian ini akan dijalankan dalam bentuk kuantitatif. Dalam konteks ini, 50 orang responden daripada tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di Ampang, Selangor menjawab soal selidik yang diedarkan dalam bentuk Google Forms. Seterusnya, dapatan kajian dianalisis dengan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 27.0. Berdasarkan dapatan kajian, nilai min keseluruhan kesediaan guru mata pelajaran Sejarah menunjukkan nilai min yang tinggi dengan nilai skor min 4.26 (SP = 0.874). Dengan ini, kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada guru-guru Sejarah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dengan mengaplikasikan keinovatifan dalam pengajaran.

#### ABSTRACT

With the advancements in current technology and the development of 21st Century Learning Practices (PAK21), the blended mode of Project-Based Learning (PBL) is suitable for encouraging students to effectively build their own understanding, especially in the subject of History, which is dense with facts. However, most primary school teachers are seen to be less prepared to implement blended PBL in the teaching and facilitation (PdPc) process of the

History subject. Therefore, this study aims to examine the readiness level of History teachers towards blended PBL in the subject of History. This study will be conducted in a quantitative form. In this context, 50 respondents from three Chinese National Type Schools (SJK(C)) in Ampang, Selangor answered the distributed questionnaires in the form of Google Forms. Subsequently, the study findings were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 27.0. Based on the study findings, the overall mean score of History teachers' readiness shows a high mean value with a mean score of 4.26 (SD = 0.874). Therefore, this study is expected to provide insights to History teachers to improve the quality of teaching by applying innovation in teaching.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada untuk memahami kesediaan guru terhadap pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) mod teradun khususnya dalam mata pelajaran Sejarah. Keberkesanan PBP mod teradun dalam PdPc juga didalami. Diharapkan kajian ini dapat meningkatkan kesedaran guru supaya dapat merancang dan menjalankan PdPc mata pelajaran Sejarah dengan efektif.

## 1. Pengenalan

Perkembangan pesat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) pada masa ini bukan sahaja memberi impak kepada semua bidang, bahkan ledakan informasi dan komunikasi ini sesungguhnya mencetuskan suatu anjakan paradigma dalam bidang pendidikan. Dalam konteks ini, transformasi pendidikan pada peringkat sekolah rendah yang ketara adalah daripada aspek pendekatan pedagogi yang ke arah berorientasikan murid.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pula memperkenalkan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) yang menekankan pembelajaran secara sendiri dan interaktif ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018](#)). Dengan ini, kemenjadian murid daripada aspek kompetensi pembelajaran 6K iaitu pemikiran kritis dan kreatif, kolaborasi, komunikasi, perwatakan serta kenegaraan turut diberi penekanan. Penerapan kemahiran 6K dapat dilaksanakan melalui strategi PdPc yang menggunakan pendekatan berasaskan projek, pendekatan inkuiri, penyelesaian masalah dan sebagainya. Malah, literasi teknologi, pembelajaran kolaboratif dan aplikasi pemikiran aras tinggi juga dirangkumi dalam PAK21.

Seiring dengan kemajuan teknologi semasa dan perkembangan amalan PAK21, mata pelajaran Sejarah bukan sahaja merupakan mata pelajaran yang mengutamakan pemupukan nilai patriotisme, bahkan berupaya untuk mencungkil kreativiti dan pemikiran kritis dalam kalangan murid. Menurut [Bernhard \(2017\)](#), Pendidikan Sejarah tidak hanya berfokus kepada mengingati fakta sejarah semata-mata, tetapi sesungguhnya memberi pendedahan kepada murid untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan Sejarah dalam kehidupan harian dengan lebih kreatif dan kritis. Dalam konteks ini, Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam Pendidikan Sejarah dapat membimbing murid-murid untuk meneroka pengetahuan Sejarah yang abstrak serta membolehkan murid menghubungkan peristiwa masa lalu dengan kemajuan hari ini secara imaginatif ([Kaviza, 2019](#)).

Dalam usaha meningkatkan kualiti sistem pendidikan, [Bahagian Pembangunan Kurikulum \(2014\)](#) turut menyarankan pengaplikasian pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) sesuai untuk mencapai objektif PdPc, di samping daripada menggalakkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan berkesan ([Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014](#); [Sadrina et al., 2018](#)). Perkara ini disokong oleh [Balakrishnan et al. \(2009\)](#) yang menyatakan bahawa PBP sesuai untuk diaplikasikan dalam kurikulum Malaysia. Hal ini demikian kerana PBP bukan sahaja dapat merangsang kemahiran abad ke-21, bahkan turut dapat mengasah pengetahuan dan kemahiran murid ke arah menjayakan projek serta menggalakkan kerjasama skala besar dalam kalangan murid. Oleh itu, guru yang berperanan sebagai fasilitator dalam PdPc seharusnya bersedia dalam melaksanakan inovasi PdPc selaras dengan kemajuan dunia pada masa kini.

### 1.1. Permasalahan Kajian

Pembelajaran berasaskan projek (PBP) mod teradun merupakan pendekatan yang berpotensi untuk merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menjayakan pentaksiran sebagai pembelajaran yang seterusnya membangunkan kapasiti murid. Dalam konteks ini, pelbagai kemahiran seseorang murid akan dapat diperkukuh melalui PBP mod teradun.

Menurut [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2006\)](#), keberkesanan PBP yang dapat menggabungkan pengetahuan, kemahiran komunikasi dan penglibatan murid dalam PdPc telah dibuktikan dalam buku panduan PBP. Penglibatan murid turut menjadi aktif apabila mereka diberi peluang untuk belajar dengan menggunakan kaedah PBP. Perkara ini dijelaskan oleh [Lezah @ Lezah Kiamsin dan Rosy \(2018\)](#) di mana pendekatan PBP adalah sesuai untuk digunakan dalam subjek Perniagaan. Hal ini demikian kerana penggunaan kaedah pengajaran yang menarik seperti PBP dapat meningkatkan komitmen dan minat murid terhadap mata pelajaran berkenaan seperti menggalakkan murid banyak memberi respons yang positif dalam PdPc ([Lezah @ Lezah Kiamsin & Rosy, 2018](#)).

Malah, pembelajaran teradun yang menggabungkan PdPc dalam bilik darjah dan luar bilik darjah melalui pembelajaran sendiri yang berstruktur pula menggalakkan E-Pembelajaran, KBAT dan PAK21. Ketiga-tiga elemen penting ini merupakan dasar KPM dalam usaha mewujudkan sistem pendidikan yang unggul untuk memaksimumkan potensi individu secara holistik. Oleh itu, pendekatan PBP mod teradun yang menggabungkan konsep '*learn by doing*' dan pengintegrasian TMK sesungguhnya meliputi kemahiran yang diperlukan dalam pendidikan abad ke-21.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan PBP dalam sistem pendidikan Malaysia masih kurang terutamanya di peringkat sekolah rendah sedangkan PBP telah lama diperkenalkan. Perkara ini berlaku kerana kebanyakan guru lebih selesa dengan kaedah pengajaran konvensional semasa PdPc serta berasa terancam dengan perubahan yang berlaku. Malah, faktor kekangan masa dan kemahiran yang kurang juga menyebabkan guru tidak cenderung untuk mengaplikasikan PBP dalam PdPc. Tambahan pula, terdapat guru yang lebih tertumpu kepada usaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran semata-mata ([Norazlin & Siti Rahaimah, 2019](#)). Hal ini seterusnya menjadikan murid kurang berminat serta tidak memberi tumpuan semasa sesi PdPc dijalankan.

Keadaan ini bertambah rumit dengan melibatkan mata pelajaran Sejarah. Dalam konteks ini, kebanyakan murid menganggap mata pelajaran Sejarah adalah membosankan dengan corak pengajaran guru yang masih mengutamakan penerangan sehalu dan kurang menggalakkan murid untuk berfikir secara kritis (Mohamad Ikhwan & Anuar, 2018). Persepsi murid terhadap mata pelajaran Sejarah yang tidak menarik dan abstrak turut akan berlaku kerana mereka berpendapat bahawa kandungan Sejarah adalah ketinggalan dengan tertumpu kepada pelbagai fakta berkaitan peristiwa masa lalu. Permasalahan ini menjadikan murid-murid mengalami kesukaran untuk menguasai KPS dan seterusnya menjejaskan pencapaian akademik mereka dalam mata pelajaran Sejarah (Kaviza, 2019).

Ringkasnya, pelaksanaan PBP mod teradun dalam PdPc Sejarah bukan sahaja dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang bermakna, bahkan turut meningkatkan motivasi murid untuk mempelajari Sejarah. Dengan menyedari kesediaan guru sesungguhnya merupakan kunci utama dalam menjayakan inovasi pedagogi seperti pelaksanaan PBP mod teradun, maka terdapat satu keperluan untuk melaksanakan kajian untuk mengkaji tahap kesediaan guru Sejarah dan keberkesanan PBP mod teradun bagi mata pelajaran Sejarah dalam Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di Ampang, Selangor.

## 1.2. Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap kesediaan guru Sejarah terhadap pelaksanaan PBP mod teradun bagi mata pelajaran Sejarah dalam S.J.K. (C) di Ampang, Selangor.
- ii. Mengenal pasti keberkesanan PBP mod teradun bagi mata pelajaran Sejarah dalam S.J.K. (C) di Ampang, Selangor.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara kesediaan guru dan keberkesanan PBP mod teradun bagi mata pelajaran Sejarah dalam S.J.K. (C) di Ampang, Selangor.

## 2. Sorotan Literatur

Bahagian ini akan menerangkan ulasan kepustakaan bagi kajian ini dalam beberapa sub-topik. Sub-topik tersebut termasuk kesediaan guru, konsep PBP mod teradun, keberkesanan PBP mod teradun dalam mata pelajaran Sejarah serta kajian-kajian lepas berkaitan kesediaan guru dan pelaksanaan PBP mod teradun.

### 2.1. Kesediaan Guru

Kesediaan guru merupakan salah satu aspek penting bagi seorang guru untuk menjangka siapa, apa dan bagaimana mengajar muridnya. Teori Kesediaan Thorndike yang diperkenalkan oleh Thorndike pada tahun 1898 (Ahmad Subki & Syed Ismail, 2013) menggariskan tiga aspek kesediaan utama iaitu aspek psikomotor, afektif dan kognitif. Selain itu, kesediaan guru juga dijelaskan dalam Model Kesediaan Guru daripada empat aspek utama (Azalida & Norazilawati, 2018). Antara empat aspek utama dalam Model Kesediaan Guru merujuk kepada kemahiran mengaplikasikan kaedah pembelajaran dalam bilik darjah, pengetahuan dalam menjalankan PdP, sikap guru terhadap perubahan dan minat guru dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran baharu.

Sejajar dengan ini, guru perlulah bersiap sedia daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam menjalankan PdPc di bilik darjah. Pernyataan ini selaras dengan idea yang dipetik dalam Nurul Farahah dan Suziyani (2018) di mana guru adalah agen

perubahan di mana mereka perlulah sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran selaras dengan perkembangan sistem pendidikan semasa supaya dapat merungkai strategi yang terbaik dalam menyampaikan pengajaran.

Malah, dapatan kajian [Leong dan Dg Norizah \(2019\)](#) juga mendapati bahawa kesediaan guru merupakan faktor utama yang mempengaruhi perkembangan intelektual murid. Hal ini demikian kerana mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang perlu melibatkan kepelbagaian pendekatan pedagogi bagi memudahkan kefahaman murid. Oleh itu, guru perlulah mempunyai kreativiti yang tersendiri dalam mencuba sesuatu inovasi yang diperkenalkan walaupun mereka menjadi pelopor kepada pembaharuan berkenaan dalam meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran Sejarah.

Guru yang berpengetahuan dan berkemahiran akan dapat memotivasikan dan mendorong murid-murid dalam proses PdPc ([Azalida & Norazilawati, 2018](#)). Perkara ini dijelaskan dalam kajian [Vasiliene-Vasiliauskiene et al. \(2020\)](#) di mana guru seharusnya melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang kaedah penilaian yang sesuai untuk menilai penguasaan murid berdasarkan perbezaan peranan murid dalam PBP mod teradun. Bagi aspek kemahiran, keupayaan guru untuk mengintegrasikan TMK berbeza semasa melaksanakan PBP mod teradun juga merupakan cabaran yang dihadapi oleh guru seperti yang didedahkan dalam kajian [Haatainen dan Aksela \(2021\)](#). Selain itu, [Peter \(2019\)](#) turut menjelaskan bahawa guru perlulah memiliki kemahiran untuk menyediakan bahan, menyusun peristiwa penting dan merumuskan soalan yang bermakna dalam usaha mendorong murid-murid berfikir dan bekerjasama dalam pelaksanaan projek. Guru yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran seterusnya akan lebih berkeyakinan diri untuk merealisasikan inovasi dalam pengajaran.

Sejajar dengan ini, guru yang memiliki tahap keyakinan yang tinggi akan sentiasa berkeinginan tinggi dan berusaha untuk memastikan murid belajar mengikut arus dan kemajuan dalam PBP mod teradun. Tahap motivasi guru dibuktikan dapat meningkatkan prestasi pembelajaran murid dalam konteks amalan PBP mod teradun. Menurut [Md Fadzil dan Zamri \(2020\)](#), cara berinteraksi guru bersama dengan murid yang efektif akan dapat menjadikan murid berminat untuk meneroka sesuatu ilmu dengan lebih mendalam.

Ringkasnya, dalam konteks kajian ini, kesediaan guru membawa maksud keupayaan guru Sejarah sebagai pendidik yang berpengetahuan dan mahir untuk melaksanakan PBP mod teradun semasa proses PdPc mata pelajaran Sejarah. Dengan ini, seseorang guru perlulah bersedia daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap supaya lebih yakin dan berinisiatif terhadap pelaksanaan PBP mod teradun dalam PdPc Sejarah.

## **2.2. Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) Mod Teradun**

Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) merupakan inovasi kaedah pembelajaran yang membolehkan murid-murid untuk menguasai pengetahuan dan membina kemahiran melalui penghasilan projek secara kolaboratif dengan mengaplikasikan teknik 'hands-on' dan 'minds-on'. Pernyataan ini adalah selaras dengan dapatan [Eng \(2021\)](#) yang menjelaskan konsep projek dalam PBP merujuk kepada perantaraan yang menggabungkan murid, guru dan kandungan pembelajaran.

Menurut [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2017\)](#), pendekatan PBP mempunyai ciri-ciri yang seiring dengan kehendak transformasi kurikulum iaitu berorientasikan murid,

memperuntukkan masa untuk penyelesaian masalah, merentas kurikulum serta meliputi pelbagai kemahiran dan sesuai dengan kepelbagaian tahap kecerdasan murid. Dengan ini, pelaksanaan PBP membolehkan murid untuk memahami sesuatu perkara dengan mendalam melalui pembelajaran berasaskan pengalaman, pemerhatian dan percubaan ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017](#)).

Maka, jelaslah bahawa objektif utama pendekatan PBP ini adalah untuk pemerolehan pengetahuan baharu oleh murid-murid atau mengaplikasikan pengetahuan sedia ada dalam masalah semasa ataupun amalan harian, penyelesaian masalah atau penghasilan produk. Secara umumnya, kaedah PBP merujuk kepada kaedah pengajaran berbentuk projek yang merupakan platform kepada murid untuk memperoleh ilmu secara bermakna.

Sifat PBP yang terbuka juga membolehkan pembelajaran berlaku secara tidak langsung. Sesungguhnya, kajian kes dalam KSSR Sejarah merupakan salah satu pendekatan pedagogi yang memenuhi ciri-ciri PBP. Melalui pelaksanaan kajian kes, murid-murid diberi peluang untuk menjalankan kajian asas yang berkaitan tokoh, tempat dan peristiwa. Dalam konteks ini, terdapat lima fasa utama dalam pelaksanaan PBP iaitu meneroka masalah, melakukan penyiasatan, mereka bentuk, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah ([Noorsyahira & Nurfaradilla, 2021](#)). Selepas itu, perbincangan antara guru dengan murid akan dijalankan untuk menilai produk dan rakan sebaya semasa PBP dilaksanakan. Berdasarkan penjelasan [Maher dan Yoo \(2017\)](#), fasa penilaian ini adalah penting untuk membina kefahaman yang lebih baik tentang hasil kerja sendiri dan seterusnya mengukuhkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Oleh itu, pendekatan PBP dibuktikan sebagai kaedah terbaik yang mendorong murid untuk menguasai kemahiran abad ke-21, khususnya kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta kemahiran inovasi ([Sing & Osman, 2017](#)).

Sejajar dengan ini, pendekatan PBP sesuai dijalankan secara mod teradun yang menggalakkan pengintegrasian TMK dan multimedia secara maksimum. Hal ini disokong dengan kajian [Stanley \(2022\)](#) yang menjelaskan kaedah terbaik pembelajaran atas talian adalah melalui PBP.

Dalam konteks pembelajaran teradun, guru turut mempraktikkan PdPc yang melibatkan dua jenis mod iaitu synchronous dan asynchronous ([Simah et al., 2021](#)). Bagi mod synchronous, proses penyampaian ilmu antara guru dan murid adalah dijalankan secara bersemuka di dalam bilik darjah, manakala pembelajaran secara asynchronous pula adalah proses pembelajaran sendiri berdasarkan bahan yang disediakan oleh guru melalui aplikasi TMK, seperti Google Classroom, kumpulan Whatsapp dan kumpulan Telegram. Kedua-dua mod pembelajaran ini boleh dilaksanakan secara berasingan atau bergabung untuk PBP bagi satu tajuk pembelajaran.

Secara rumusnya, PBP mod teradun merupakan kaedah pembelajaran yang memberi fokus kepada permasalahan dan reka bentuk melalui proses penerokaan yang sistematik. Justeru, guru perlulah berpandangan jauh dan berusaha untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan untuk mengelola PBP mod teradun, di samping memiliki pemikiran yang profesional beserta dengan keinginan untuk melakukan keinovatifan.

### 2.3. Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) Mod Teradun

PBP mod teradun sebagai proses pelaksanaan PdPc yang lebih tersusun di mana kolaborasi antara murid serta persekitaran pembelajaran yang positif dan bermakna turut dapat diwujudkan. Perkara ini selaras dengan dapatan [Md Fadzil dan Zamri \(2020\)](#) yang membuktikan pelaksanaan PBP adalah berkesan secara empirikal dan dapat mencapai kesan yang positif.

Walaupun murid dapat memperoleh pengetahuan melalui pembelajaran di dalam kelas secara tradisional, tetapi proses PdPc akan menjadi lebih berkesan apabila guru menggunakan kaedah PdPc berasaskan projek. Hal ini demikian kerana murid-murid bukan sahaja dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan melalui penghasilan projek dengan kadar segera, bahkan dapat mempraktikkan kemahiran yang dipelajari dalam situasi pembelajaran yang seronok dengan bantuan guru sebagai pemudahcara. Dengan ini, kefahaman murid terhadap mata pelajaran Sejarah akan meningkat.

Menurut [Nordina Alia dan Norwaliza \(2021\)](#), proses PdPc yang kreatif dan menyeronokkan dapat mengembangkan lagi minda murid untuk memproses maklumat yang diajar. Sejalan dengan ini, PBP juga dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menyelesaikan masalah berdasarkan soalan yang diberikan oleh guru semasa sesi PdPc melalui hasil pembentangan produk dan laporan. Pendekatan PBP mod teradun sekaligus terbukti dapat melahirkan murid yang kreatif dan aktif mengolah isi pembelajaran secara sendiri. Dalam konteks ini, proses pembelajaran yang aktif turut diteruskan di dalam bilik darjah melalui aktiviti perbincangan, penyelesaian masalah dan refleksi. Misalnya, antara strategi yang boleh diintegrasikan melalui PBP mod teradun ialah pra pembacaan bahan yang diberikan oleh guru secara atas talian dan diteruskan dengan latihan pemikiran kritis secara berkumpulan dan kajian kes di dalam bilik darjah dengan kawalan guru sebagai pembimbing. Sehubungan dengan itu, proses pembelajaran akan kekal aktif apabila proses perbincangan berlangsung menjadikan murid lebih berkeyakinan dalam menjawab soalan atau berdialog dengan guru.

Selain itu, PBP mod teradun mempengaruhi motivasi dan minat murid ([Mohd Ridzuan, 2020](#)). Dalam konteks ini, murid lebih berpotensi untuk berpuas hati dengan hasil kerja mereka ketika melaksanakan aktiviti pembelajaran. Perkara ini disokong dengan [Suci Utami dan Yuyu \(2018\)](#) yang menyatakan murid-murid akan menunjukkan sikap yang positif dan melibatkan diri dengan aktif dalam pelaksanaan pendekatan ini. Dapatan kajian [Wafaa Ahmed Mahmoud Mohammed \(2021\)](#) tentang tahap aliran psikologi turut memaparkan keberkesanan PBP mod teradun daripada aspek peningkatan motivasi belajar murid. Jelaslah bahawa kaedah pembelajaran berasaskan projek mod teradun sesuai bagi meningkatkan motivasi murid untuk belajar memandangkan murid-murid lebih banyak memberi respons yang positif apabila guru menggunakan kaedah pengajaran yang menarik ([Raja Liyana & Norasmah, 2023](#)). Hal ini membuktikan murid lebih terangsang sekiranya guru membuka peluang kepada mereka untuk berfikir aras tinggi dengan menggunakan kaedah PBP.

Tambahan pula, pelaksanaan PBP mod teradun sesungguhnya merangsang kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid. [Mohd Ridzuan \(2020\)](#) menjelaskan bahawa pendekatan PBP mod teradun ini terdiri daripada ciri-ciri pembelajaran yang relevan dengan kehendak sistem pendidikan pada masa ini. Pendapat ini adalah selaras dengan kajian [Abdelfattah \(2021\)](#) serta [Rizaldi et al. \(2021\)](#) yang mendapati pelaksanaan PBP mod teradun ini dapat meningkatkan kemahiran 4K. Secara khususnya dalam aspek

komunikasi, murid turut berpeluang untuk berbincang dan berkongsi idea dengan murid lain melalui penggunaan pelantar atas talian. Malah, murid juga dapat membina dan mempraktikkan kemahiran mengemukakan soalan, mengenal pasti masalah dan merangka strategi dalam menyelesaikan masalah. Hal ini seterusnya akan meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan murid.

Sehubungan dengan itu, melalui kaedah pembelajaran berasaskan projek secara teradun juga menggalakkan E-pembelajaran, KBAT dan PAK21. Ketiga-tiga elemen penting ini merupakan dasar KPM bagi membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dalam usaha membangunkan potensi individu. Hal ini turut dinyatakan dalam kajian [Nik Md. Saiful et al. \(2021\)](#) di mana TMK bukan sahaja dapat memperkukuh proses PdP di sekolah dalam negara ini, bahkan seterusnya meletakkan negara Malaysia sebaris negara maju khususnya dalam melestari sistem pendidikan supaya kekal utuh.

Oleh itu, Teori Keberkesanan Pendidikan yang diperkenalkan oleh [Scheerens \(2015\)](#) boleh dikaitkan dengan kajian ini untuk menguji keberkesanan PdPc. Terdapat lima ciri akan digunakan untuk mengkaji keberkesanan PdPc berdasarkan Teori Keberkesanan Pendidikan. Namun demikian, tiga ciri utama iaitu pengurusan bilik darjah, struktur pengajaran dan strategi PdPc akan dipilih dan diadaptasi bagi menentukan keberkesanan PBP mod teradun melalui kajian ini.

#### **2.4. Kajian-kajian Lepas**

Setelah merujuk kepada kajian-kajian lepas, adalah didapati bahawa kajian berkaitan PBP telah dilaksanakan di negara Malaysia. Antara kajian lepas telah dijalankan oleh [Nur Najwa dan Anis Norma \(2020\)](#) untuk menilai penggunaan modul pembelajaran inkuiri berasaskan projek terhadap kanak-kanak. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi daripada lima orang peserta kajian, penggunaan modul pembelajaran inkuiri berasaskan projek ini bukan sahaja dapat memudahkan pemahaman kanak-kanak terhadap tajuk pembelajaran, bahkan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan juga merangsang motivasi murid untuk mengikuti pembelajaran.

Selain itu, [Muhammad Affan dan Abdul Hamid \(2023\)](#) pula menjalankan kajian tindakan yang mendapati pembelajaran Bahasa Melayu berasaskan projek dapat meningkatkan tahap penguasaan murid dalam kemahiran berbahasa. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian yang dilakukan oleh [Eng \(2021\)](#) melalui kaedah kuasi eksperimen ke atas 43 orang pelajar yang mempelajari Bahasa Mandarin di Kolej Vokasional. Dalam konteks ini, hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa pelaksanaan PBP dalam PdPc menggalakkan pencapaian akademik murid berbanding dengan kaedah PdPc yang tradisional. Oleh itu, guru seharusnya mengaplikasikan PBP dengan mengikut kesesuaian topik pembelajaran dalam usaha meningkatkan kualiti PdPc.

Sejajar dengan ini, hasil kajian yang dijalankan oleh [Muhammad Zaim, Anuar dan Norasmah \(2021\)](#) pula menunjukkan bahawa kaedah PBP membawa impak positif terhadap tahap penguasaan KPS dan peningkatan minat murid berbanding dengan pembelajaran Sejarah secara konvensional. Dapatan ini menyamai dengan dapatan kajian [Muruga Krishnan \(2023\)](#) yang membuktikan penggunaan modul PBP dapat meningkatkan minat pelajar Tingkatan Lima untuk mempelajari subjek Ekonomi dan seterusnya pendaftaran sebagai calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi subjek Ekonomi turut ditingkatkan secara tidak langsung.

Seterusnya, [Raja Liyana dan Norasmah Othman \(2023\)](#) juga melaksanakan kajian untuk mengenal pasti kaedah PBP dan minat murid terhadap subjek Perniagaan dengan menggunakan kualitatif yang melibatkan empat orang guru. Dengan ini, dapatan kajian menunjukkan kefahaman dan minat murid untuk mempelajari subjek Perniagaan ditingkatkan melalui pelaksanaan PBP dalam PdPc. Kajian [Fatin Izati dan Khadijah \(2022\)](#) yang berbentuk tinjauan pula merumuskan bahawa PBP animasi berpotensi untuk meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar. Oleh itu, penggunaan kaedah PBP animasi ini turut disarankan dalam kalangan pensyarah.

Tambahan pula, [Noraini, Dulina dan Nursahizalina \(2023\)](#) yang menjalankan kajian kuantitatif terhadap 207 pelajar Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail memaparkan keberkesanan PBP daripada aspek kemahiran kepimpinan. Dalam konteks ini, dapatan kajian membuktikan pelaksanaan PBP dapat memupuk kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar Politeknik, khususnya daripada segi kerja berpasukan dan komunikasi.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, keberkesanan kaedah PBP telah dibuktikan di mana kaedah PBP sesungguhnya membawa banyak manfaat kepada pembelajaran murid, iaitu meningkatkan pencapaian prestasi murid, menjadikan suasana pembelajaran menyeronokkan yang seterusnya meningkatkan motivasi murid untuk belajar serta memupuk kemahiran 6K. Namun, kajian tentang kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBP dalam mata pelajaran Sejarah masih kurang dilaksanakan dalam Malaysia. Oleh itu, kajian berkaitan kesediaan guru Sejarah terhadap PBP dalam mata pelajaran Sejarah berpotensi untuk menyumbang bahan rujukan ilmiah yang lebih mendalam dalam bidang penyelidikan bagi pendidikan Sejarah.

### **3. Metod Kajian**

#### **3.1. Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Menurut [Bryman \(2012\)](#), kajian kuantitatif merupakan kaedah penyelidikan yang melibatkan pungutan data dalam bentuk berangka seperti statistik dan peratusan serta analisis kajian.

#### **3.2. Persampelan**

Dalam kajian ini, populasi sasaran ialah 60 orang guru mata pelajaran Sejarah yang berkhidmat di S.J.K. (C) kawasan Ampang. Dengan ini, [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#) menjelaskan bahawa saiz populasi kajian (S) ialah 50 sekiranya jumlah populasi kajian (N) ialah 60. Malah, teknik persampelan rawak mudah turut digunakan untuk mendapatkan sampel daripada populasi. Oleh itu, sebanyak 50 orang guru mata pelajaran Sejarah yang berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ampang akan diedarkan dengan soal selidik secara rawak.

#### **3.3. Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ini melibatkan item-item soal selidik yang diadaptasi daripada kajian lepas dan diubahusai berdasarkan objektif kajian ini. Terdapat tiga bahagian dalam soal selidik kajian ini, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Bahagian A dalam soal selidik kajian ini merupakan faktor demografi mengenai latar belakang responden iaitu jantina, pengalaman mengajar, tahap pendidikan dan opsyen. Bahagian B pula berfokus kepada kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBP mod teradun dalam PdPc Sejarah yang terdiri daripada tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap sikap guru Sejarah. Malah, Bahagian C dalam soal selidik kajian ini adalah mengenai keberkesanan PBP mod teradun yang terdiri daripada tiga domain iaitu pengurusan bilik darjah, struktur pengajaran dan strategi PdPc. Dalam Bahagian B dan Bahagian C, soal selidik berdasarkan skala Likert yang disediakan akan dijawab oleh responden kajian.

### 3.4. Proses Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data bagi kajian ini melibatkan 50 orang guru mata pelajaran Sejarah di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ampang. Selepas mendapat persetujuan daripada pihak pentadbir sekolah, suatu perjumpaan diadakan untuk memberi penerangan kepada responden. Dengan ini, matlamat utama kajian dan langkah-langkah yang harus dipatuhi oleh responden turut dijelaskan. Soal selidik dalam bentuk pautan Google Forms akan diedarkan kepada responden secara rawak. Responden diberi sehari untuk menjawab soalan dan menghantar maklum balasnya kembali kepada pengkaji. Setelah data dikumpul, pengkaji turut menganalisis data dan mendapatkan hasil kajian.

### 3.5. Proses Analisis Data

Data terkumpul akan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Seterusnya, pengkaji akan menggunakan analisis deskriptif untuk menentukan kesediaan guru Sejarah terhadap PBP mod teradun dalam mata pelajaran Sejarah dengan berdasarkan data deskriptif seperti peratus, min dan sisihan piawai. [Jadual 1](#) menunjukkan tafsiran skor min yang dirujuk dalam kajian ini. Ujian Korelasi Pearson-R turut akan digunakan untuk mengukur hubungan antara kesediaan guru Sejarah dan keberkesanan pelaksanaan PBP mod teradun.

Jadual 1: Tafsiran Skor Min

Nilai Min	Tafsiran Skor Min
1.00 – 2.39	Rendah
2.40 – 3.79	Sederhana
3.80 – 5.00	Tinggi

Sumber: [Lendal \(1997\)](#)

## 4. Hasil Kajian

### 4.1. Tahap Kesediaan Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PBP Mod Teradun bagi Mata Pelajaran Sejarah

Berdasarkan dapatan kajian, nilai min bagi kesediaan guru Sejarah dalam kajian ini adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai skor min 4.26 (SP = 0.874). Seajar dengan ini, guru yang berperanan sebagai pelaksana pedagogi yang berinovatif seharusnya mempunyai pengetahuan yang holistik dan kukuh tentang PBP mod teradun. Kandungan ilmu pengetahuan turut dapat distruktur semula dengan sistematik untuk diaplikasikan dalam PBP mod teradun. Dalam konteks kajian ini, aspek pengetahuan guru mencatatkan nilai min 4.27 (SP = 0.873) iaitu berada pada tahap yang tinggi. Malah,

Vasiliene-Vasiliauskiene et al. (2020) juga menekankan bahawa guru perlulah mengetahui kaedah penilaian yang sesuai untuk digunakan dalam PBP mod teradun supaya pelaksanaan PBP dapat dijalankan dengan efektif. Oleh itu, pemahaman terhadap pengetahuan mengenai pelaksanaan PBP mod teradun sewajarnya difahami oleh guru-guru sekolah bagi meningkatkan sikap guru terhadap perubahan seperti yang dijelaskan oleh Mohd Aizat et al. (2018).

Berdasarkan **Jadual 2**, aspek kemahiran guru Sejarah yang dikaji dalam kajian ini menunjukkan kesediaan yang tinggi dengan nilai min 4.19 (SP = 0.854). Hal ini demikian kerana perkembangan dunia tanpa sempadan sesungguhnya menuntut seseorang guru itu memiliki kemahiran mengintegrasikan teknologi dan kemahiran komunikasi yang merupakan kemahiran yang penting dalam PBP mod teradun. Hal ini adalah selaras dengan dapatan **Md Fadzil dan Zamri (2020)** di mana komunikasi antara guru dan murid yang berkesan bukan sahaja menjadikan murid-murid berminat untuk meneroka ilmu secara sendiri dan mendalam, bahkan turut meningkatkan tahap motivasi antara guru dan murid dalam konteks amalan PBP mod teradun.

**Jadual 2: Nilai Min Keseluruhan Bagi Kesediaan Guru Mata Pelajaran Sejarah**

Aspek	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Kedudukan
Pengetahuan	50	4.27	0.873	Tinggi	2
Kemahiran	50	4.19	0.854	Tinggi	3
Sikap	50	4.32	0.895	Tinggi	1
Kesediaan Guru Mata Pelajaran Sejarah	50	4.26	0.874	Tinggi	

Menurut **Ilhaamie (2019)**, sikap guru yang positif berpotensi untuk mempengaruhi kejayaan pelaksanaan PBP. Tahap kesediaan guru untuk menerima keinovatifan pedagogi seterusnya mempengaruhi guru untuk mengaplikasikan pendekatan PBP mod teradun. Dalam kajian ini, kesediaan guru daripada aspek sikap menunjukkan purata min yang tertinggi iaitu 4.32 (SP = 0.895) turut membuktikan bahawa guru yang dikaji sesungguhnya bersikap terbuka dan bersedia untuk menerima perubahan pedagogi seperti PBP mod teradun. Secara tidak langsung, guru yang dikaji akan berusaha untuk mengadakan PBP secara bersemuka dan secara dalam talian melalui perantaraan Google Classroom. Guru yang memiliki kesediaan sikap yang tinggi juga akan tabah mengharungi cabaran-cabaran di mana jumlah murid yang ramai dan masalah capaian internet yang terhad bukan menjadi halangan bagi mereka.

#### 4.2. Keberkesanan PBP Mod Teradun dalam Mata Pelajaran Sejarah

PBP mod teradun merupakan pendekatan pengajaran yang dinamik dan kajian ini telah membuktikan amalan PBP mod teradun dalam mata pelajaran Sejarah adalah efektif bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang bermakna. Hal ini adalah dibuktikan dengan purata nilai min yang tinggi iaitu 4.26 (SP = 0.878) seperti yang dipaparkan dalam **Jadual 3**. Dalam konteks ini, murid-murid turut diberi peluang untuk menghubungkan masalah yang dihadapi semasa PBP mod teradun dengan kehidupan harian mereka. Dapatan ini disokong dengan kajian yang dilaksanakan oleh **Vasiliene-Vasiliauskiene et al. (2020)** bahawa pengetahuan yang diperolehi melalui PBP dapat dimanfaatkan dalam dunia sebenar untuk jangka masa panjang, dan bukan hanya digunakan untuk menghadapi peperiksaan semata-mata.

Jadual 3: Nilai Min Keseluruhan Bagi Keberkesanan PBP Mod Teradun

Aspek	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Kedudukan
Pengurusan Bilik Darjah	50	4.29	0.884	Tinggi	1
Struktur Pengajaran	50	4.20	0.869	Tinggi	3
Strategi PdPc	50	4.28	0.882	Tinggi	2
Keberkesanan PBP Mod Teradun	50	4.26	0.878	Tinggi	

Selain itu, pelaksanaan PBP mod teradun juga memberi kesan positif kepada hubungan antara guru dengan murid. Kajian ini menunjukkan kolaborasi yang merangkumi penggunaan teknologi, komunikasi dan kemahiran kerja berpasukan digalakkan menerusi pelaksanaan PBP mod teradun dalam PdPc Sejarah. Dengan ini, semangat kekitaan dalam kalangan murid dapat diperkukuh memandangkan murid-murid menyedari tanggungjawab mereka untuk membantu dan menyokong sesama ahli kumpulan dalam usaha menyelesaikan tugas ([Aldabbus 2018](#)).

Setiap murid perlulah terlibat dengan bersama-sama untuk menjayakan PBP mod teradun. Dalam konteks PBP mod teradun, murid-murid merupakan fokus utama dan berpeluang untuk merancang aktiviti pembelajaran secara 'hands-on' bersama dengan guru. Dengan ini, murid bukan sahaja diberi pendedahan tentang cara untuk membina kefahaman sendiri, bahkan turut akan menimbulkan kesukaan kepada pembelajaran. Selebihnya, PBP mod teradun juga berjaya meningkatkan keyakinan diri murid. Hal ini adalah selaras dengan dapatan [Nor Khayati, Mohd Isa dan Khadijah \(2020\)](#) yang menjelaskan murid akan berasa lebih yakin dan bersemangat untuk menyelesaikan tugas yang diberi bagi mencapai objektif ditetapkan.

Seterusnya, [Granado-Alcon et al. \(2020\)](#) menyatakan bahawa murid berpeluang untuk memperkasa kemahiran insaniah seperti kemahiran menyelidik dan berfikir secara kritis melalui PBP mod teradun. Pernyataan ini adalah menyamai dapatan kajian ini yang membuktikan keberkesanan PBP mod teradun daripada aspek strategi PdPc. Murid-murid perlulah melakukan kajian, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan mereka cipta berdasarkan sumber bahan yang diberi oleh guru dalam aplikasi Google Classroom.

Secara keseluruhannya, kajian yang dilaksanakan ini telah membuktikan amalan PBP mod teradun ini adalah berkesan dalam menghasilkan murid yang proaktif dan berwawasan.

#### 4.3. Hubungan antara Kesediaan Guru Sejarah dan Keberkesanan PBP Mod Teradun dalam Mata Pelajaran Sejarah

[Jadual 4](#) menunjukkan tafsiran nilai korelasi yang digunakan dalam kajian ini. Melalui ujian korelasi Pearson-R, kesediaan guru Sejarah dibuktikan dapat menjamin keberkesanan pelaksanaan PBP mod teradun dalam mata pelajaran Sejarah dengan nilai korelasi  $r = 0.987$ ,  $p < 0.5$  seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 5](#). Menurut [Haatainen dan Aksela \(2021\)](#), terdapat guru yang sangsi dengan kebolehan mereka dalam mengurus masa dan melakukan perancangan semasa mengelola PBP. Pernyataan ini adalah selaras dengan dapatan [Yang et al. \(2021\)](#) yang menyatakan bahawa kurangnya pelaksanaan PBP dalam pembelajaran adalah disebabkan guru tidak memiliki kesediaan dan pengalaman yang mencukupi dalam mengendalikan PBP. Sebaliknya, kajian [Ahmad](#)

Tirmizi, Joni Rokhmat dan Sukardi Sukardi (2020) pula menekankan kesediaan guru yang tinggi dapat meningkatkan kemahiran dan keyakinan mereka dalam menjalankan pelbagai strategi pengajaran dengan berkesan. Hal ini adalah selaras dengan dapatan kajian ini. Lantaran daripada itu, guru yang bersiap sedia turut sentiasa berkeinginan tinggi untuk mencuba sesuatu inovasi pendekatan pengajaran yang diperkenalkan bagi memastikan murid-murid dapat belajar mengikut arus dan kemajuan.

Jadual 4: Tafsiran Nilai Korelasi

Korelasi	Tafsiran Nilai
$\pm 0.01 - \pm 0.29$	Rendah
$\pm 0.30 - \pm 0.49$	Sederhana
$\pm 0.50 - \pm 1.00$	Tinggi

Sumber: Cohen (1988)

Jadual 5: Hubungan antara Kesediaan Guru Sejarah dan Keberkesanan PBP Mod Teradun dalam Mata Pelajaran Sejarah

		Keberkesanan PBP Mod Teradun Dalam Mata Pelajaran Sejarah	
		Kesediaan Guru Sejarah	Keberkesanan PBP Mod Teradun Dalam Mata Pelajaran Sejarah
Kesediaan Guru Sejarah	Pearson Correlation	1	.987**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	50	50
Keberkesanan PBP Mod Teradun Dalam Mata Pelajaran Sejarah	Pearson Correlation	.987**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	50	50

\*\**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

## 5. Kesimpulan

Kesediaan guru penting untuk menjayakan pengaplikasian keinovatifan pendekatan dalam pendidikan abad le-21 (Irwan Hidayat, 2018). Kaedah pengajaran tradisional melalui penjelasan guru secara sehalu tidak sesuai digunakan lagi dalam kalangan murid alaf baharu. Dalam konteks ini, pengajaran mata pelajaran Sejarah secara sehalu oleh guru bukan sahaja menyebabkan pergerakan murid dikongkong dan tidak diberi peluang untuk mengemukakan pendapat mereka, bahkan turut menjadikan pembelajaran Sejarah semakin membosankan.

Sejajar dengan ini, pelaksanaan pendekatan PBP mod teradun dalam PdPc Sejarah akan mengubah cara murid mendapatkan pengetahuan secara aktif dan sendiri. Penekanan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengetahuan, kemahiran dan nilai melalui PBP mod teradun ini secara tidak langsung juga dapat meningkatkan kompetensi murid (Monica & Zamri 2020). Dalam mata pelajaran Sejarah, kajian kes merupakan salah satu contoh strategi PBP mod teradun yang berkesan dan bermakna.

Berdasarkan dapatan kajian ini, kesediaan guru Sejarah adalah penting untuk membimbing murid menyesuaikan diri dalam suasana dan pendekatan yang melibatkan PBP mod teradun. Kajian ini turut membuktikan kesediaan guru Sejarah dapat menjamin keberkesanan pelaksanaan PBP mod teradun dalam mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, para guru khususnya guru Sejarah digalakkan untuk merancang dan

melaksanakan PBP mod teradun dalam PdPc dengan lebih kerap dan sistematik supaya menjadikan PdPc Sejarah lebih efektif dan menarik. Selain daripada sikap keterbukaan guru terhadap perubahan dan pembaharuan yang berlaku, semua pihak seperti pihak pentadbiran sekolah dan KPM seharusnya berganding bahu untuk meningkatkan usaha atau mempelbagaikan program untuk menyediakan guru yang berpengetahuan, berkemahiran serta bersedia untuk melaksanakan PBP mod teradun dalam PdPc.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Terima kasih kepada pensyarah penyelia, Dr. Anuar Ahmad dan responden kajian yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

### **Rujukan**

- Abdelfattah, B. A. (2021). The Effect of a Proposed Blended Project-Based Learning Programme on Developing the 4Cs Skills for Secondary Stage Students. *The Educational Journal of the Faculty of Education in Sohag*, 91(91), 49-107. <http://dx.doi.org/10.21608/edusohag.2021.189830>
- Ahmad Subki Miskon & Syed Ismail Syed Mustapa. (2013). *Murid dan Alam Belajar*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Ahmad Tirmizi, Joni Rokhmat & Sukardi Sukardi. (2020). Pengaruh Efikasi Kendiri terhadap Keinovatifan Guru Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Lombok Barat. *Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan Terakreditasi Peringkat 5*, 4(4), 614-621. <http://dx.doi.org/10.58258/jisip.v4i4.1606>
- Aldabbus, S. (2018). Project-based learning: Implementation & challenges. *International Journal of Education, Learning and Development*, 6(3), 71-79.
- Azalida Tajudin & Norazilawati Abdullah. (2018). Kesiediaan Guru Sains Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 8(1), 82-97. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol8.1.7.2018>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah*. Cepat Cetak Sdn. Bhd. <https://anyflip.com/lokyf/lgzf/basic>

- Balakrishnan Muniandy, Rossafri Mohamad, Fong, S. F., & Rozhan Mohammed Idrus. (2009). Technology Application in Project-based Learning. *Journal of Communication and Computer*, 6(12), 74-84.
- Bernhard, R. (2017). Are Historical Thinking Skills Important to History Teachers? Some Findings from A Qualitative Interview Study in Austria. *History Education Research Journal*, 14(2): 29-39.
- Bryman, A. (2012). *Social research methods (4th ed.)*. Oxford: Oxford University Press.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences (2nd ed.)*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Eng, L. Y. (2021). Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Kemahiran Bertutur Bahasa Mandarin. *Journal of Social Science (EJOSS)*, 7(2), 34-44. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.2.4.2021>
- Fatin Izati Mohd Taher & Khadijah Abdul Razak. (2022). Penguasaan Kemahiran Komunikasi Pelajar Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Berorientasikan Animasi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(45), 501-515. <http://dx.doi.org/10.35631/IJEPC.745038>
- Granado-Alcón, M. D. C., Gómez-Baya, D., Herrera-Gutiérrez, E., Vélez-Toral, M., Alonso-Martín, P. & Martínez-Frutos, M. T. (2020). Project-based learning and the acquisition of competencies and knowledge transfer in higher education. *Sustainability*, 12(23), 10062. <https://doi.org/10.3390/su122310062>
- Haatainen, O., & Aksela, M. (2021). Project-based learning in integrated science education: Active teachers' perceptions and practices. *LUMAT: International Journal on Math, Science and Technology Education*, 9(1), 149-173. <https://doi.org/10.31129/LUMAT.9.1.1392>
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi. (2019). Pengaruh Sikap dan Demografi Ke Atas Produktiviti Kerja Pensyarah Muslim: Kajian Di Universiti Malaya. *Jurnal Syariah*, 16(2), 1-23. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22768>
- Irwan Hidayat. (2018). Imbasan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. *Pendidik*, 1, 14-18.
- Kaviza, M. (2019). Hubungan Penerapan Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Dalam Kalangan Murid. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1), 30-38. <https://juku.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/17859/10029>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2011*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)*. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Laporan Tahunan 2018*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Education and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Lendal, K. (1997). *Management by Menu*. London: Wiley and Son Inco.
- Leong, N., & Dg Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli. (2019). Hubungan Efikasi Kendiri Guru dengan Minset Guru Sekolah Rednah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 122-125. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i7.310>
- Lezah @ Lezah Kiamsin & Rosy Talin. (2018). Kaedah Pengajaran Sejarah yang diminati Pelajar dan Justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 137-145. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v3i2.92>
- Maher, D., & Yoo, J. (2017). Project Based Learning In The Primary School Classroom. In R. V. Nata (Ed.), *Progress in Education* (pp. 105–119). Nova Science Publishers.

- Md Fadzil Masri & Zamri Mahamod. (2020). Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengolah Isi Karangan Murid-murid Sekolah Rendah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 6(1), 189-203. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v6i1.2803>
- Mohamad Ikhwan Izam & Anuar Ahmad. (2018). Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah. *Proceedings International Conference on Social Studies (ICOSH 2018)*.
- Mohd Aizat Abu Hassan, Mohd Faizal Rabani, Mohamad Ekhwan Mohamad Shukor & Mohd Mastifino Abdul Majid. (2018). Sikap guru terhadap perubahan dalam sekolah di Malaysia. *Management Research Journal*, 7(1), 188-196. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol7.16.2018>
- Mohd Ridzuan Padzil. (2020). PAK 21: Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 3, 125-131. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jrk/article/view/9512>
- Monica, L. T., & Zamri Mahamod. (2020). Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Kemahiran Menulis Karangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 12-21. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2020-45.01-02>
- Muhammad Affan Ahamad & Abdul Hamid Abu Bakar. (2023). Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek untuk Meningkatkan Kemahiran Bahasa dalam Kalangan Murid Tahun Enam. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(2), 53-68. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v13i2.9398>
- Muhammad Zaim Najmi Mohd Rahim, Anuar Ahmad & Norasmah Othman. (2021). Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 24(1), 1-10. <https://www.ukm.my/personalia/publication/artikel10-jun-2021/>
- Muruga Krishnan. (2023). The Effectiveness of Project-Based Learning Module on Rural School Students' Achievement and Interest in Economic Subject. *International Business Education Journal*, 16(1), 118-126. <https://doi.org/10.37134/ibej.Vol16.1.10.2023>
- Nik Md. Saiful Azizi Nik Abdullah, Rohani Ali, Nurul Nadiah Yahya & Rabi'atul Athirah Muhammad Isa. (2021). Cabaran Guru Dalam Pengajaran Digital Secara Maya Dan Kediaan Murid Pasca Covid-19. *Sains Insani 2021*, 6(2), 206-213. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no2.317>
- Noorsyahirah Mohd Noor & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Persepsi Guru Kimia Terhadap Perlaksanaan Project Based Learning (PBL) Bagi Matapelajaran Kimia KSSM. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 433-448. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/14130>
- Noraini Harun, Dulina Tholibon & Nursahizalina Mohd Saat. (2023). Pemupukan Kemahiran Kepimpinan Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Pencapaian Pelajar Kursus Projek. *Technical and Vocational Education International Journal*, 3(1), 86-97. <https://doi.org/10.556442/taveij.v3i1.290>
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management 23-24 November 2019*, 87-105.
- Nordina Alia Nordin & Norwaliza Abdul Wahab. (2021). Kertas Konsep Pembangunan Modul Sekolah Rimba Berasaskan Pengetahuan Peribumi Bagi Mengekalkan Kelestarian Masyarakat Orang Asli. *Asian Pendidikan*, 1(1), 10-21. <https://doi.org/10.53797/aspn.v1i1.2.2021>
- Nor Khayati Basir, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2020). Sikap dalam Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Pencapaian Pelajar

- Politeknik di Negeri Perak. *4th National Conference On Research And Education*, 491-499. <http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.2.25916.46724>
- Nur Najwa Mohamed & Anis Norma Mohamad Jaafar. (2020). Penggunaan Modul Pembelajaran Inkuiri Berasaskan Projek Terhadap Kanak-kanak Berumur 4 Tahun. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 9, 73-90. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/4540>
- Nurul Farahah Derapa & Suziyani Mohamed. (2018). Penggunaan Kesediaan Guru Pendidikan Khas dalam Melaksanakan Mata Pelajaran Asas Tanaman. *Jurnal Ortopedagogia*, 4(1), 66-71. <https://dx.doi.org/10.17977/um031v4i12018p066>
- Peter, A. K. A. (2019). *Advantages and Challenges of Online Project Based Learning*. [Thesis Sarjana, Rochester Institute of Technology]. <https://repository.rit.edu/theses/10231>
- Raja Liyana Raja Zahri & Norasmah Othman. 2023. Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek Dan Minat Murid Terhadap Subjek Perniagaan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(2), 14-25. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/22253>
- Rizaldi Dedi, Eris Nurhayati & Ziadatul Fatimah. (2021). The Effectiveness of Project-Based Learning with the Blended Learning System to Improve 21st Century Skills during the COVID-19 Pandemic. *Jurnal Scientia*, 9(2), 46-52.
- Sadrina Sadrina, Ramlee Mustapha & Muhammad Ichsan. (2018). The evaluation of project-based learning in Malaysia: propose a new framework for polytechnics system. *Jurnal Pendidikan Vokasi*, 8(2), 144-150. <http://dx.doi.org/10.21831/jpv.v8i2.19100>
- Scheerens, J. (2015). Theories on educational effectiveness and ineffectiveness. *School Effectiveness and School Improvement*, 26(1), 10-31. <http://dx.doi.org/10.1080/09243453.2013.858754>
- Simah Mamat, Che Aleha Ladin, Azni Yati Kamaruddin, Intan Marfarrina Omar & Nor Asiah Ismail. 2021. Covid-19: Cabaran dan Inisiatif dalam Mendepani Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Teradun. *Jurnal Sains Insani*, 6(2), 220-226. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no2.319>
- Sing, E. C. K. & Osman, K. (2017). *Peningkatan Penglibatan dan Pencapaian Melalui Pendekatan Flipped Classroom*. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains dan Psikologi Dalam Pendidikan 2017*.
- Stanley, T. (2022). *11 Steps of Effective Project-based Learning in a Blended Classroom*. <https://www.teachthought.com/education/11-steps-of-effective-project-based-learning-in-a-blended-classroom>
- Suci Utami Putri & Yuyu Hendawati. (2018). Blended Project Based Learning: Strategy for Improving Critical Thinking of Pre-Service Teachers in Science Education. *Prosiding UR International Conference on Educational Sciences*, 152-157.
- Vasiliene-Vasiliauskiene, V., Vasilis Vasiliauskas, A., Meidute-Kavaliauskiene, I., & Sabaityte, J. (2020). Peculiarities of educational challenges implementing project-based learning. *World Journal on Educational Technology: Current Issues*, 12(2), 136-149. <https://doi.org/10.18844/wjet.v12i2.4816>
- Wafaa Ahmed Mahmoud Mohammed. (2021). Using a Project-Based Blended Learning Program to Enhance EFL Secondary Stage Al-Azhar Students' Psychological Flow. *Journal of the College of Education in Mansoura*, 115(4), 189-220. <https://dx.doi.org/10.21608/maed.2021.225391>
- Yang, Y., Zhang, Y., Xiong, X., Zhang, W., Chen, W., & Ge, S. (2021). From Lab Scale to Mass Production: A Project-Based Learning on the Preparation of (S)-Epichlorohydrin for Enhancing College Student Engineering Practical Abilities. *Journal of Chemical Education*, 98(12), 3804-3812. <https://doi.org/10.1021/acs.jchemed.1c00483>